

BAHAGIAN B (ULASAN)

Setiap orang haruslah menjaga kebersihan untuk hidup sihat. Berdasarkan gambar di bawah, lengkapkan ulasan yang berikut dengan frasa yang diberikan.

LANGKAH-LANGKAH MENJAGA KEBERSIHAN



Mandi dan
Membersihkan Diri



Membasuh Sayur-
sayuran



Membersihkan Rumah

Akhir sekali

Selain itu

Antaranya ialah

Kesimpulannya

langkah-langkah menjaga kebersihan

membasuh sayur-sayuran

LANGKAH-LANGKAH MENJAGA KEBERSIHAN

agar

mengelakkan keracunan makanan

kita akan berasa selesa

kita mestilah

Gambar menunjukkan _____.

_____ kita hendaklah mandi dan
membersihkan diri _____ badan kita bersih dan segar.

_____, kita perlulah _____
dengan bersih sebelum dimasak untuk

_____ membersihkan rumah pada setiap minggu
kerana _____ apabila rumah kita bersih dan
kemas.

_____, penjagaan kebersihan perlu kita
jadikan amalan untuk menjamin kesihatan yang baik.

BAHAGIAN C (KARANGAN AUTOBIOGRAFI)

Andaikan kamu sebagai sepasang stoking. Ceritakan riwayat hidup kamu itu selengkapnya.

Aku Sepasang Stoking



Aku bersyukur kerana mendapat tuan yang cermat dan berhemah. Sehingga kini, sudah hampir dua tahun aku dan Riri berkhidmat dengannya. Badanku semakin uzur. Getah yang terdapat pada badanku juga semakin kendur. Warnaku mulai kusam.

Pada setiap petang, pemuda itu menggunakan aku untuk berjoging di kawasan taman rekreasi. Aku berasa gembira kerana dapat berkhidmat kepada tuan baharuku. Selepas digunakan, aku akan dicuci dan disimpan di dalam laci.

Namaku Nan. Aku ialah sepasang stoking. Aku dihasilkan bersama kembarku, Riri di sebuah kilang di Melaka. Selepas siap dibungkus di kilang, aku dan Riri dihantar ke sebuah kedai menjual pakaian harian. Aku telah dibeli oleh seorang pemuda. Aku dan Riri sering digunakan untuk berjoging dan bersukan.

Kini, aku dan Riri hanya disimpan di dalam laci. Kami sudah tidak digunakan lagi. Aku pasti, suatu hari nanti aku dan Riri pasti akan dibuang ke dalam tong sampah. Sungguhpun begitu, aku tetap gembira kerana dapat berkhidmat dengan tuanku.

Pada suatu hari, aku melihat tuanku membawa sebungkus plastik yang mengandungi sepasang stoking baharu. Aku melihat tuanku mencuba stoking baharunya itu. Dia kelihatan sungguh gembira.